

# **PROGRAM PENDOKUMENTASIAN MANUSKRIP MELAYU-CAMPA DI MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU, JABATAN MUZIUM DAN ANTIKUITI**

**KAMARUL BAHARIN A. KASIM**

Alam Melayu menjangkau kawasan yang lebih luas berbanding pemahaman biasa oleh masyarakat umum yang tidak menjangkakan negara-negara luar yang terpisah dari Kepulauan Melayu itu sendiri. Istilah Melayu yang digunakan oleh UNESCO sewaktu projek Pengkajian Kebudayaan Melayu yang dijalankan suatu masa dahulu, merangkumkan daerah antropologi yang lebih luas termasuk dari Kepulauan Polinesia hingga ke Pulau Madagascar. Teras kepada Dunia Melayu ini bukan terhad kepada agama dan skop etniknya, malahan secara lebih luas melalui rumpun penutur bahasanya iaitu Melayu-Polynesia atau Austronesia. Rumpun Melayu ini wujud antara 5,000 hingga 7,000 tahun lalu dipercayai di bahagian utara, melalui Taiwan dan Vietnam seterusnya merentasi Selat Formosa hingga ke Filipina, Borneo, Semenanjung Malaysia, Jawa, Sumatera dan Sulawesi hingga sejauh Madagascar yang seterusnya mewujudkan Melayu-Polynesia Barat. Sementara itu rumpun Melayu-Polynesia Timur berada di bahagian timur Indonesia (Halmahera dan Irian) hingga ke Tonga, Samoa, Hawaï dan New Zealand. Secara amnya melalui aktiviti maritim, geografi negara-negara tersebut (sekadar menyebut beberapa nama) telah dihubungkan melalui jalinan ekonomi, sosio dan politik hingga menjadikan Alam Melayu itu tidak terikat dengan sempadan nasionalisme sebagaimana yang telah dipaksakan oleh Kolonial Barat selepas itu.

Menyedari hakikat Alam Melayu yang begitu meluas, Jabatan Muzium dan Antikuiti telah merancang penubuhan Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) yang pernah diusulkan penubahannya di Persidangan Tamadun Melayu pada 1989. Secara ringkasnya, penubuhan muzium ini dicadangkan di Presint 5, Putrajaya, namun sementara menunggu pembinaan bangunan muzium ini siap, sejumlah perjawatan telah diwujudkan bagi menggerakkan aktiviti penyelidikan,

pengumpulan koleksi, pameran, penerbitan, seminar dan bengkel serta beberapa tugas yang disifatkan sebagai pengembangan ilmu pengetahuan.

Antara lain objektif dan peranan MEDM adalah bagi menjelaskan secara komprehensif mengenai gagasan kebudayaan material dan tamadun bangsa Melayu sejagat khususnya di Nusantara ini dan seluruh dunia amnya. Muzium ini juga dibina dengan harapan mampu menjadi pusat rujukan dan penyelidikan utama segala aspek kebudayaan dan tamadun bangsa Melayu yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat dan penyelidik dari dalam dan luar negara. Memandangkan geografi Dunia Melayu yang begitu meluas, fokus diberikan kepada tiga kawasan geografi iaitu Melayu Inti (Nusantara), Melayu Polinesia dan Melayu Diaspora.

Masyarakat Campa yang mendiami sekitar Indochina khususnya di Vietnam dan Kemboja merupakan salah satu fokus utama yang dikategorikan di bawah Melayu Inti. Beberapa siri penyelidikan telah dilakukan sejak tahun 1997 di kedua-dua buah negara tersebut dimana sejumlah koleksi masyarakat Campa telah diperolehi malahan satu video dokumentari yang bertajuk ‘Dokumentari Masyarakat Melayu Campa di Indo China’ telah dihasilkan pada tahun 2003. Selain itu beberapa pameran khas turut diadakan seperti Pameran Busana Campa, Pameran Pelaminan Campa dan sebagainya. Sebuah katalog berkaitan busana Campa turut diterbitkan dengan kerjasama EFEO (Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis) pada tahun 1998 serta CD Rom bertajuk ‘*Tales, Epics, Poems*’ pada awal tahun 2004.

## Latar Belakang Mengenai Melayu Campa

Masyarakat Melayu-Campa mempunyai tamadun yang gilang-gemilang suatu masa dahulu dengan adanya kerajaan yang kuat. Kerajaan Campa banyak disebut dalam sumber-sumber tempatan seperti Sejarah Melayu serta sumber-sumber asing seperti di Thailand, Kemboja dan Vietnam. Dalam teks-teks China, Kerajaan Campa juga disebut sebagai *Lin-Yi*. Berdasarkan catatan sejarah, Kerajaan Campa muncul pada abad ke dua dan melalui zaman pemerintahan yang lama di bahagian tengah Vietnam sehingga abad ke 16. Kerajaan agung ini secara perlahan-lahan mulai runtuh disebabkan kemunculan dan kemaraan kerajaan Vietnam di utara. Secara umumnya Kerajaan Campa terbahagi kepada dua zaman iaitu zaman pertama bermula pada abad ke dua masih hingga tahun 1471 dimana ia didominasikan oleh pengaruh Hindu. Zaman kedua ialah tahun 1471 hingga tahun 1832 yang telah mula dipengaruhi oleh agama tempatan dan agama Islam. Antara kerajaan-kerajaan yang muncul sepanjang tempoh tersebut adalah Kerajaan Indrapura, Amravati, Vijaya, Khautara dan Pandurangga.

Apabila Kerajaan Campa yang berpengaruh Hindu tamat pada 1471 melalui kejatuhan Vijaya, muncul pula Kerajaan Kauthara dan Panduranga di bahagian selatan. Namun kerajaan-kerajaan di selatan ini mengamalkan nilai-nilai baru iaitu pemujaan tempatan (pemujaan nenek moyang berkaitan dengan tanah dan bercampur dengan tamadun Islam). Pada abad ke 16 misalannya, Kerajaan Campa mula menyerap unsur-unsur Islam sehingga Kauthara (1653) dan Panduranga (1832) jatuh ke tangan bangsa Vietnam dan seterusnya memadamkan Kerajaan Campa dari peta dunia buat selama-lamanya.

Kejatuhan Kerajaan Campa menyaksikan ramai orang Cam melarikan diri ke Kemboja bermula pada abad ke 15 dan seterusnya ada yang berhijrah ke negara-negara lain seperti Thailand dan Malaysia (Semenanjung Tanah Melayu). Walaupun anggaran penduduk berbangsa Cam tidak diketahui dengan tepat dan sering berubah-ubah perangkaannya disebabkan kurangnya pemahaman mengenai status bangsa Cam itu sendiri, namun di Kemboja jumlahnya dianggarkan 280 ribu orang manakala di Vietnam sekitar 150,000 ribu orang. Harus difahami bahawa Kerajaan Campa selain didiami oleh orang Cam, turut diisi oleh suku-suku lain seperti Rhade, Gia-rai (Jarai), Hoi, Cru dan Raglai yang mendiami kawasan pantai dan berbahasa Melayu-Polinesia. Manakala suku-suku lain seperti Bahnar, Stieng, Mnong dan Ma pula berbahasa Austroasiatik, mendiami kawasan pergunungan dan mengamalkan nisab bapa (*patrilineal*).

Berkaitan dengan kepercayaan, Kerajaan Campa menjadi pusat agama Hindu mulai abad ke 4-12 dimana Dewa Siva lebih popular berbanding Vishnu dan Brahma. Namun percampuran animisme dan Islam sejak abad ke 15 hingga ke hari ini menjadikan identiti masyarakat ini agak unik. Terdapat pelbagai gelaran ataupun pengkategorian diberikan kepada bangsa Cam ini yang kebiasaannya diperkirakan berdasarkan amalan kepercayaannya.

Orang Cam yang mengamalkan kepercayaan tradisi lama yang bercampur dengan pengaruh Hindu ini dikenali sebagai *Cam Jat* iaitu istilah kata Sanskrit yang bererti bangsa yang asli [juga dikenali sebagai Cam Hindu atau Cam Jati / Cam Ahiar (Akhir)]. Namun di peringkat akhir abad ke 17, golongan Cam Jat ini sudah mula dipengaruhi oleh Agama Islam. Terdapat juga golongan dikenali sebagai *Cam Bani* (Ar Bani) - “anak agama” ataupun *Cam Asalam* yang mendakwa mereka sebagai Islam berdasarkan cara mereka mewarisi amalan Islam mengikut agama nenek moyang mereka. Kata ‘Bani’ diambil dari perkataan Arab yang bermaksud anak atau keturunan Nabi Muhammad. Cam Bani ini mempertahankan agama ‘Islam’ mereka mengikut cara yang diwarisi turun-temurun sambil mempercayai kewujudan Allah dan Rasul. Satu lagi golongan dikenali sebagai *Cam Islam* / Muslim yang mengamalkan Sunnah Wal Jamaah

sebagaimana masyarakat Islam di Malaysia. Menariknya disini ialah Cam Bani dan Cam Islam menggelarkan bangsanya sendiri dari golongan Cam Hindu sebagai Cam Kafir atau Akafir (Ar-al-kafir) dan ini diterima baik oleh Cam Hindu yang rela mengakui mereka kafir kerana berpendapat mereka pengamal agama Cam yang asli.

Di Kemboja pula terdapat satu golongan orang Cam yang dikenali sebagai golongan Mujahiddin yang dikatakan sebagai pengikut Imam San atau kaum Jumaat yang mempunyai persamaan amalan agama sebagaimana orang Cam Bani yang terdapat di Vietnam. Sebagai contoh mereka bersembahyang sekali seminggu dan mewakilkan puasa di bulan Ramadhan kepada imam mereka sahaja.

Bagi pengamal Islam sepenuhnya, mereka dikatakan oleh Cam Bani dan Cam Jati sebagai pengamal Islam Baru yang berlainan dengan pemahaman mereka yang diwarisi dari nenek moyang mereka. Walaupun terdapat perbezaan amalan keagamaan namun bangsa Cam ini masih menghormati satu sama lain dan masih dapat hidup bersama.

Menyentuh tentang sejarah Kerajaan Campa, amalan keagamaan dan kepercayaan ini, ianya amat bersangkut-paut dengan hasil-hasil penulisan manuskrip dan pengisian jalan cerita dalam manuskrip-manuskrip tersebut. Tanpa memahami latar belakang sejarah Campa, pergolakan politik, perkembangan dan perbezaan agama, maka akan sukar untuk memahami jalan cerita serta situasi hidup yang diceritakan dalam manuskrip-manuskrip tersebut. Berdasarkan kompleksnya masyarakat ini (tanpa menyentuh sistem politik dan hierarki tradisional) maka disebabkan itulah Muzium Etnologi Dunia Melayu mewajarkan pendokumentasian Manuskrip Melayu Campa ini dilakukan.

## **Mengenali Manuskrip Campa**

Manuskrip Campa meninggalkan banyak hasil penulisan yang menarik. Sehubungan itu pandangan yang mengatakan bahawa masyarakat Melayu-Campa kurang atau tidak mempunyai kesusastraan yang banyak dan indah merupakan satu persepsi yang kurang tepat. Kesusastraan Melayu-Campa misalannya mempunyai keunikan yang tersendiri dan ini boleh dibuktikan melalui hasil-hasil sastera yang diperolehi. Masih banyak lagi hasil-hasil penulisan dalam Manuskrip Campa yang belum ditemui atau diselidik, malahan dikatakan masih terdapat sejumlah besar Manuskrip Campa dikatakan masih disimpan di dalam gua-gua di kawasan pergunungan di sekitar Vietnam Tengah. Kegagalan membongkar manuskrip ini adalah disebabkan tekanan politik terhadap kumpulan minoriti Campa ini selain masalah birokrasi yang masih ketat diamalkan di Vietnam hingga menyukarkan penyelidikan terhadap manuskrip ini dilakukan.

Kini usaha-usaha tertentu cuba dilakukan oleh pihak MEDM dalam mendokumentasikan semula kesemua Manuskrip Melayu Campa sama ada yang telah dikumpulkan dari pelbagai pihak seluruh dunia selain membuat perolehan sendiri melalui hubungan beberapa pihak di Vietnam dan Kemboja.

Menyentuh secara ringkas mengenai prasasti pula (sumber mengaitkannya dengan manuskrip), telah ditemui sebanyak 206 prasasti dimana 98 dalam bahasa Campa, 43 bahasa Sanskrit, 29 dalam bahasa Campa dan Sanskrit manakala 36 lagi tidak dapat dipastikan. Prasasti yang paling lama dalam bahasa Sanskreta bertarikh 192, manakala dalam bahasa Campa Kuno adalah di abad ke 4 dimana ia dipercayai yang tertua dalam bahasa Austronesia. Namun begitu masih banyak lagi prasasti-prasasti yang masih belum dijumpai dan diselidiki oleh para penyelidik.

Berbalik kepada Manuskrip-manuskrip Campa ini, ianya mempunyai kandungan yang begitu luas dan mempunyai kaitan dengan pelbagai bidang menyentuh mengenai kesusasteraan, sejarah, tokoh-tokoh, agama, sosial, ajaran moral dan sebagainya yang mampu menerangkan suasana di Campa ketika itu serta hubungannya dengan Dunia Melayu. Penulisan teks-teks biasanya adalah dalam bentuk cerita rakyat (*dalukal*), hikayat (*akayet*), syair (*ariya*) dan sebagainya. Menyentuh mengenai bentuk tulisan pula, manuskrip-manuskrip ini ditulis dalam banyak bentuk tulisan Melayu Campa yang boleh dibahagikan kepada empat jenis tulisan. Tulisan-tulisan tersebut adalah *akhar thrah Cam* (tulisan ini berasal dari Sanskrit yang telah digunakan sebelum abad ke 15 (tidak dapat dipastikan) hingga sekarang dimana ia merupakan tulisan utama masyarakat Cam); *akhar rik* (tulisan Sanskrit yang biasanya digunakan untuk karya ritual dan agama); *akhar Bani* (tulisan Arab dalam kitab Al-Quran Cam Bani); dan *akhar Jawi* (Jawi Melayu) yang banyak digunakan dan ditulis oleh masyarakat Cam di Chau Doc dan Chau Giang (Vietnam) dan di Kemboja. Selain itu terdapat satu lagi bentuk penyampaian yang lebih kepada lakaran yang dikenali sebagai *adamah* dimana ia lebih khusus sebagai lakaran azimat atau tangkal (Rujuk lampiran).

Secara umumnya penulisan teks-teks dalam Manuskrip Cam ini merupakan satu medium yang digunakan dalam menyampaikan buah fikiran, inspirasi, daya kreativiti dan luahan perasaan mereka. Seringkali juga digunakan watak-watak imaginasi dan unsur-unsur metos dan lagenda dalam penulisan tersebut seperti watak binatang, gergasi, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya.

Gaya penyampaian dalam cerita-cerita rakyat biasanya adalah lebih bebas dan menunjukkan cara orang Cam menyampaikan budaya dan situasi di negara asal mereka dahulu. Syair pula disampaikan dalam bentuk struktur yang lebih tetap dan penulisan yang lebih menekankan hasil kesusasteraan yang tinggi nilai bahasanya. Namun begitu cerita-cerita rakyat kelihatan cuba menyampaikan imej ajaran moral serta kritikan selain cuba mengimbang kembali sesuatu peristiwa atau sejarah yang dikatakan pernah berlaku di kalangan orang Cam. Berdasar faktor itulah penyelidik seharusnya memahami latar belakang sejarah, sosio-politik, agama serta amalan oleh kaum-kaum Cam suatu masa dahulu.

Terdapat beberapa kelemahan manuskrip ini semasa penelitian dilakukan ke atasnya. Ini memandangkan Manuskrip Cam wujud dalam pelbagai bentuk yang menyukarkan pembacaannya serta memerlukan satu usaha pemeliharaan yang rapi. Manuskrip yang ditulis di atas daun lontar, kertas Eropah, kertas beg simen atau buku latihan biasanya mudah rosak, koyak dan tidak jelas penulisannya. Ini ditambah pula penggunaan dakwat tempatan yang tidak berkualiti ataupun penggunaan pensil yang memudarkan tulisan dan lebih buruk lagi tulisannya terus terpadam akibat peredaran masa, keadaan cuaca dan cara penyimpanan yang lemah. Contoh-contoh manuskrip dalam koleksi, *Societe Asiatique de Paris*, Perancis yang disimpan di perpustakaan memperlihatkan unsur-unsur yang dimaksudkan.

Selain itu juga Manuskrip Cam mempunyai saiz dan penjilidan yang berbeza-beza, kadangkala disusun secara songsang serta tidak mempunyai halaman muka surat. Sebahagian manuskrip yang dijilidkan turut dicampurkan bersama tulisan-tulisan dan dokumen-dokumen yang tidak berkaitan yang menyukarkan lagi pemahaman ketika membacanya. Terdapat juga teks-teks yang mempunyai beberapa bahagian tetapi tidak disusun mengikut aturan dan seorang penyelidik harus menggunakan kefahaman yang tinggi untuk mendapatkan gambaran keseluruhan cerita-cerita yang ada dalam manuskrip tersebut.

Kelemahan dalam ejaan, tulisan yang tidak jelas, penggunaan perkataan-perkataan asing seperti Sanskrit, Arab, Melayu dan sebagainya memerlukan kemahiran tinggi untuk membacanya agar tidak berlaku kesilapan dalam mentafsirkannya. Terdapat juga simbol-simbol yang tidak mempunyai makna, tiada titik noktah dan penggunaan nahu yang tidak betul. Adalah dipercayai kesilapan-kesilapan tersebut dilakukan semasa proses penyalinan dilakukan ataupun berkemungkinan suasana perang yang berterusan mengakibatkan penulisan dilakukan secara tergesa-gesa. Namun ini merupakan andaian penulis semata-mata.

## Program Manuskrip Melayu-Campa di MEDM

Program dokumentari Manuskrip Melayu Campa telah dimulai sejak tahun 2003, walaupun sebenarnya kajian mengenai kebudayaan masyarakat ini telah dimulakan sejak 1997 lagi. Penubuhan Bahagian MEDM di Jabatan Muzium dan Antikuiti menyemarakkan lagi pengkajian terhadap masyarakat Campa ini melalui pengkhususan terhadap Melayu-Inti. Kerjasama dengan beberapa pihak seperti *Ecole Francaise d'Extreme-Orient (EFEO)* di Kuala Lumpur, *Institute of Social Sciences HCM City*, Vietnam, *The Cambodian United Ethnic Cham Assembly* dan individu-individu tertentu, telah memberi banyak maklumat. Mengambil kesempatan tersebut, program dokumentari Manuskrip Melayu-Campa ini dilakukan dengan meneliti sejumlah Manuskrip Campa yang telah dikumpulkan tetapi berada di beberapa buah negara. Adalah menjadi hasrat MEDM untuk mengumpulkan kesemua manuskrip tersebut dengan membuat salinannya bagi diletakkan di Pusat Sumber MEDM bagi membolehkan kesemua penyelidik membuat rujukan di negara ini memandangkan Malaysia dianggap negara Melayu yang paling berjaya setakat ini.

Terdapat beberapa skop utama dalam program dokumentari ini iaitu :

### 1. Mengenalpasti dan Mengumpulkan Manuskrip-manuskrip Melayu Campa

Proses pengumpulan ini bermula dengan mengenal pasti lokasi-lokasi penempatan manuskrip ini selain membuat perolehan sendiri. Di MEDM sendiri perolehan sejak 1993 hanya mengumpulkan sebanyak 164 koleksi pelbagai jenis berkaitan kebudayaan Champa tanpa melibatkan sebuah manuskrip pun. Namun bermula tahun 2003, perolehan terhadap Manuskrip Melayu Campa telah diperolehi dari Vietnam Tengah yang dianggarkan berjumlah 100 jilid, yang mengandungi 500 tajuk dan 5000 muka surat.

| Perpustakaan | Volume | Tajuk | Muka Surat |
|--------------|--------|-------|------------|
| EFEO         | 311    | 1,219 | 16,620     |
| SAP          | 84     | 432   | 11,446     |
| MEP          | 20     | 76    | 1,428      |
| CHCPI        | 20     | 62    | 1,588      |
| Jumlah       | 435    | 1,796 | 31,082     |

Pemerhatian bilangan manuskrip-manuskrip dalam bahasa Cam yang disimpan di perpustakaan seluruh dunia adalah seperti berikut :  
Di Eropah dan Asia Tenggara iaitu :

- i) Eropah  
Perancis 435 jilid (di 4 perpustakaan utama):
- ii) Britain (Hull University) London - 2 jilid  
Bilangan tajuk dan muka surat tidak diketahui.
- iii) Luar Eropah
  - Amerika Syarikat ~ Universiti Cornell, New York - 60 jilid
  - Bilangan tajuk dan muka surat tidak diketahui.

Sehubungan itu, melalui bantuan EFEQ kini terdapat sebanyak 11 gulung mikro filem manuskrip dari Perancis dan Amerika Syarikat (dianggar berjumlah 300 - 310 tajuk) telah diterima dari institusi-institusi tersebut dan pihak MEDM sedang melaksanakan kerja-kerja penyalinan. Sejumlah lagi Manuskrip Campa sama ada dalam bentuk mikro filem ataupun salinan fotokopi akan terus diusahakan untuk dibawa ke MEDM.

## **2. Inventori Manuskrip**

Langkah kedua setelah pengumpulan koleksi dilakukan, maka proses inventori manuskrip akan dilakukan. Data-data yang dimasukkan dalam inventori ini adalah seperti berikut:

- a) Tajuk
- b) Format manuskrip ~ contoh - sama ada dalam bentuk buku (jilid)  
ataupun ceraian serta saiznya.
- c) Asal
- d) Tarikh
- e) Bilangan muka surat
- f) No rekod lama - sekiranya telah ada direkodkan
- g) No rekod baru
- h) Ringkasan kandungan
- i) Catatan tambahan - contohnya material yang digunakan, keadaan manuskrip, jenis tulisan dan sebagainya.

Buat masa kini dianggarkan sejumlah lebih kurang 100 manuskrip telah dilakukan proses inventori, manakala sumber-sumber dari luar negara terutamanya di Perancis telah pun menyediakan inventori lengkapnya.

Mengikut perancangannya, kesemua tajuk-tajuk ini akan diklasifikasikan mengikut tema seperti kebudayaan, sejarah, cerita rakyat, tokoh dan sebagainya berdasarkan beberapa kategori utama yang disebutkan pada awalnya seperti Cerita Rakyat, Hikayat dan Syair. Manuskrip yang diperolehi dalam bentuk asal biasanya akan dibuat salinan dan diambil gambar setiap helaian dan direkodkan secara manual sebagai rujukan di perpustakaan.

Langkah seterusnya ialah menghasilkan penerbitan dalam bentuk buku ataupun CD Rom yang mengandungi:

- a) Ringkasan manuskrip
- b) Teks manuskrip yang ditaip semula di dalam komputer
- c) Teks dalam bahasa rumi
- d) Teks Manuskrip Cam yang asal (diimbas)

### 3. Terjemahan Manuskrip

Proses terjemahan manuskrip ke dalam Bahasa Melayu telah dimulakan pada Mei 2004. Dimulai dengan menterjemahkan tajuk '*Cerita Balaok La-u*' Si Tempurung Kelapa, ia merupakan judul yang pertama dalam siri cerita-cerita Rakyat Melayu Campa. Kerja-kerja ini dilakukan menerusi penelitian yang tinggi dan memakan masa yang agak panjang agar kesilapan fakta/ayat tidak berlaku. Pada masa kini manuskrip tersebut diterjemah dengan bantuan Encik Abdul Karim Abd. Rahman seorang berketurunan Cam yang berkebolehan besar dalam membaca, menterjemah dan menulis semula manuskrip tersebut dalam format komputer. Namun perbincangan mendalam sering diadakan agar kandungan manuskrip tersebut dapat dibongkar dengan setepat-tepatnya.


Apabila meneliti jumlah Manuskrip Campa yang ada, ia bukan sahaja memerlukan satu mekanisme kerja yang ramai tetapi mahir dalam kerja-kerja mيناip semula, membaca dan memahami isi kandungannya. Jumlah koleksi yang sedang dalam inventori adalah jauh lebih besar dari jumlah koleksi yang sudah diinventorikan termasuk sastera-sastera Cam yang terkenal seperti *Akayat Dewa Mano*, *Akayat Inra Datra*, *Akayat Um Marup*, *Akayat Dalim Tak Masiak*.

Meneliti jenis manuskrip yang ada, ia boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan seperti berikut :


- a) Cerita hikayat
- b) Cerita rakyat
- c) Kisah tokoh dan sejarah
- d) Kitab-kitab berkaitan dengan agama / upacara
- e) Syair / Sajak-sajak / Pantun
- f) Peribahasa
- g) Lagu-lagu nyanyian rakyat
- h) Surat-surat Kerajaan Pandurangga (abad ke 16 - 19)
- i) Doa-doa dan mentera
- j) Ungkapan-ungkapan upacara kebudayaan

Kerajaan Melayu Campa di Indo China telah meninggalkan banyak bahan bersejarah yang perlu dikumpul dan dikaji semula mengikut perspektif Dunia Melayu. Hasil penulisan dan karya kesusasteraannya telah melalui zaman yang cukup panjang dan terbukti telah mengeluarkan ribuan manuskrip sama ada yang panjang ataupun pendek. Kegemilangannya dalam bidang penulisan ini merupakan cerminan terhadap tamadun Kerajaan Campa yang merangkumi bidang sosio-budaya dan politik ketika itu.


Penyelidikan yang lebih komprehensif perlu dilakukan secara bersepada oleh semua pihak yang terlibat dalam pengkajian Dunia Melayu bagi mendapatkan informasi terbaik memandangkan isi kandungannya yang begitu meluas. Ia bukan sahaja dapat memberikan gambaran tentang pengaruh agama, budaya dan linguistik ketika abad ke 2-16, malahan melihat sifat persamaan (universal) yang ada pada mereka akan membongkar arah gelombang penghijrahan manusia suatu masa dahulu. Dengan adanya pusat sumber dan dokumentasi ini, maka pengambilan pakar-pakar pengkajian Dunia Melayu amat diperlukan bagi merealisasikan matlamat yang ditetapkan ini bagi menjadikannya sebagai media yang amat berguna kepada semua pihak.



Prasasti abad yang ke IV dalam bahasa Melayu-Campa kuno.



Prasasti Melayu-Campa telah temui di kawasan Chien Dan (Vietnam Tengah)



Prasasti Melayu-Campa telah ditemui di kawasan Phan Rang


## **Tapak Sejarah**




Candi My Son (Qui Nhon)



Candi Po Ina Nagar (Nha Trang)




Linga dan Yoni di Candi My Son



Kut Po Rome di Pandurang (Phan Rang)

## Tulisan-tulisan Cam




سے جه ساہدرأه ملون سوا تربیا زمان فناورجم ه نمودیب ابه  
کفرن ه زمان فناورجم ه قبیل فنان ه مژکیب دغب لرا ایکمان ه  
غب قبیل فنان فناورجم دغب ه ساع فناوت فنت سیام مکراه هدیب  
چو عا مکاریبیه جلاون ه اینه کفرموج ملون ایکمان ه غلام تربی جلاون غر دلو  
جور عا ه بیر عا جو فتا و فنک غم ه درالم خلی فنت ه ما فتوان ه فنا دیع  
لامهان مای ایکمان ه هدیب کو مستان حین فرمادن نکاری ه دف غ  
لامهان تری دواه لامهان نت با هدیب ندر مان د فنا دیوب هدیبیت


3

یما بیر و تهمانیمه قمت چی محمد میتفقا له شریعت تحریب  
و چیز حقه میه آمد صفت قاله و قیمت شریعت چیمه ه اه  
پیش می راهیه و ترکیب ایکنیمه اه اه بیکریتیه  
من یکفع و قصه آه دری ریکنیا جو و مشریکنیه و منیق  
یکیه و قنایق نه بیقه می بیکنی نه ه و مسفله صفائحه  
چیعنو و هنیعه ملکه و قیمه ای قبیعه قیمه اه

4



5



6

1. akhar Bani dan akhar thrah
2. akhar rik
3. akhar Jawi
4. akhar Bani
5. akhar thrah
6. adamah



Verbreitung der Pflanze  
Von der Süßwasserstufe  
Süßwasserstufe bis zur  
Marinenstufe verstreut  
und häufiger verbreitet  
in den Gewässern des  
Mittelmeers und des  
Ozeans, wo sie auf  
verschiedenen Untergründen  
wächst, wie z.B. auf  
Kieselalgen, auf Sand- und  
Lehm, auf Felsen und  
auf dem Grunde von  
versiegelten oder ungeöffneten

## Senarai Manuskrip Melayu-Campa yang telah di perolehi

### A. Manuskrip Yang Telah Di Inventori

| Bil | Mss / Halaman         | Tajuk   | Bidang Berkaitan |
|-----|-----------------------|---|------------------|
| 01  | MEDM/MC 01<br>41 hlm  | Danak Tiap Kaleng<br><i>Upacara Untuk Menghalang Kejahatan</i>    | Kebudayaan       |
| 02  | MEDM/MC 02<br>32 hlm  | Akhan Ka Lipei<br><i>Ramalan Tentang Mimpi</i>                    | Kepercayaan      |
| 03  | MEDM/MC 03<br>48 hlm  | Danak Ricaow Taleh<br><i>Upacara Untuk Talak Bala</i>             | Kebudayaan       |
| 04  | MEDM/MC 04<br>14 hlm  | Ariya Po Ceng<br><i>Syair Raja Ceng</i>                           | Sejarah          |
| 05  | MEDM/MC 05<br>14 hlm  | Biai Ka Nasak Bang<br><i>Perbincangan Nasib Mengikut Umur</i>     | Kepercayaan      |
| 06  | MEDM/MC 06<br>84 hlm  | Ariya Po Phaok<br><i>Syair Po Phaok</i>                           | Sejarah          |
| 07  | MEDM/MC 07<br>18 hlm  | Paoh Catuai<br><i>Pantun</i>                                      | Sastera          |
| 08  | MEDM/MC 151<br>77 hlm | Cerita Balaok La-u<br><i>Cerita Si Tempurung Kelapa</i>           | Cerita Rakyat    |
| 09  | MEDM/MC 151<br>6 hlm  | Cerita Ja Haluai Anaong Aia<br><i>Cerita Si Haluai Orang Gaji</i> | Cerita Rakyat    |
| 10  | MEDM/MC 151<br>8 hlm  | Cerita Ja Kadek @ Ja Kadaop<br><i>Cerita Si Kadek dan Kadaop</i>  | Cerita Rakyat    |
| 11  | MEDM/MC 151<br>22 hlm | Cerita Ja Tabaong Alah<br><i>Cerita Raja Malas</i>                | Cerita Rakyat    |
| 12  | MEDM/MC 151<br>15 hlm | Cerita Kadek Ngap Matau<br><i>Cerita Si Kadek Jadi Menantu</i>    | Cerita Rakyat    |
| 13  | MEDM/MC 151<br>5 hlm  | Cerita Tapay Liman Bhai<br><i>Cerita Arnab dan Gajah</i>          | Cerita Rakyat    |
| 14  | MEDM/Ms 01<br>8 hlm   | Danak Adaoh Luak Kayau<br><i>Upacara Untuk Mencari Kayu</i>       | Kebudayaan       |

| Bil | Mss / Halaman        | Tajuk   | Bidang Berkaitan                 |
|-----|----------------------|---|----------------------------------|
| 15  | MEDM/Ms 02<br>5 hlm  | Damnay Po Riyak Kisah<br><i>Raja Laut</i>                         | Kesusasteraan,<br>Tokoh, Sejarah |
| 16  | MEDM/Ms 03<br>11 hlm | Nam Mak Po Bin Suer<br><i>Sejarah Raja Bin Suer</i>               | Sastera,<br>Sejarah              |
| 17  | MEDM/Ms 04<br>2 hlm  | Akhar Rik<br><i>Huruf Tulisan Besar (Rik)</i>                     | Bahasa                           |
| 18  | MEDM/Ms 05<br>33 hlm | Po Patih<br><i>Raja Patih</i>                                     | Tokoh, Sejarah                   |
| 19  | MEDM/Ms 06<br>15 hlm | Damnay Po Klaong Girai<br><i>Kisah Raja Klaong Girai</i>          | Kesusasteraan,<br>Tokoh, Sejarah |
| 20  | MEDM/Ms 07<br>7 hlm  | Patao Po Rome<br><i>Raja Po Rome</i>                              | Tokoh, Sejarah                   |
| 21  | MEDM/Ms 08<br>16 hlm | Yang Tabiak Di Pabah Lamnga<br><i>Dewa Pintu Labuhan</i>          | Kebudayaan                       |
| 22  | MEDM/Ms 09<br>9 hlm  | Adaoh Luak Tak Kayau<br><i>Nyanyian Untuk Mencari Kayu</i>        | Kebudayaan                       |
| 23  | MEDM/Ms 10<br>11 hlm | Danak Cei Sah Bin Bingu<br><i>Upacara Untuk Sah Bin Bingu</i>     | Kebudayaan                       |
| 24  | MEDM/Ms 11<br>7 hlm  | Danak Mbeng Katuec<br><i>Upacara Untuk Busut</i>                  | Kebudayaan                       |
| 25  | MEDM/Ms 12<br>4 hlm  | Danak Po Ama Upacara<br><i>Untuk Neneh Moyang</i>                 | Kebudayaan                       |
| 26  | MEDM/Ms 13<br>10 hlm | Danak Po Klaong Girai<br><i>Upacara Untuk Po Klaong<br/>Girai</i> | Tokoh, Sejarah                   |
| 27  | MEDM/Ms 14<br>15 hlm | Tuan Phaow<br><i>Tuan Phaow</i>                                   | Tokoh, Sejarah                   |
| 28  | MEDM/Ms 15<br>14 hlm | Cei Dalim<br><i>Kisah Raja Dalima</i>                             | Sastera,<br>Sejarah              |

| Bil | Mss / Halaman        | Tajuk   | Bidang Berkaitan |
|-----|----------------------|---|------------------|
| 29  | MEDM/Ms 16<br>16 hlm | Ariya Gleng Anak<br><i>Syair Gleng Anak</i>                         | Sastera, Sejarah |
| 30  | MEDM/Ms 17<br>6 hlm  | Klau Rai Patao Tiga<br><i>Permerintahan Raja</i>                    | Sastera, Sejarah |
| 31  | MEDM/Ms 18<br>5 hlm  | Yang Pabah Mbeng Jang<br><i>Dewa Pintu Paga</i>                     | Kebudayaan       |
| 32  | MEDM/Ms 19<br>13 hlm | Ngap Kabau Ma-ih<br><i>Jamuan Kerbau</i>                            | Kebudayaan       |
| 33  | MEDM/Ms 20<br>6 hlm  | Adaoh Atau Cek & Tasik<br><i>Sajak tentang Dewa Gunung dan Laut</i> | Kebudayaan       |
| 34  | MEDM/Ms 21<br>5 hlm  | Cei Sah Bin Bingu<br><i>Kisah Putera Sah Bin</i>                    | Sastera, Sejarah |
| 35  | MEDM/Ms 22<br>5 hlm  | Adaoh Anak Po Sah<br><i>Penyanyi Anak Permaisuri Sah</i>            | Tokoh, Sejarah   |
| 36  | MEDM/Ms 23<br>2 hlm  | Pada-a Patri Huak<br><i>Jemputan Puteri Makan</i>                   | Kebudayaan       |
| 37  | MEDM/Ms 24<br>8 hlm  | Rija Praong Atau Tasik<br><i>Rija Utk Dewa Laut</i>                 | Kebudayaan       |
| 38  | MEDM/Ms 25<br>8 hlm  | Adaoh Da-a Po Sang<br><i>Nyanyian Untuk Tuan Rumah</i>              | Kebudayaan       |
| 39  | MEDM/Ms 26<br>2 hlm  | Adaoh Cei Sit<br><i>Nyanyian Untuk Raja Muda</i>                    | Tokoh, Sejarah   |
| 40  | MEDM/Ms 27<br>10 hlm | Adaoh Dalam Ngap<br><i>Yang Nyanyian Untuk Membina Rumah Baru</i>   | Kebudayaan       |
| 41  | MEDM/Ms 28<br>1 hlm  | Panuec Cak Ginuer Ceng<br><i>Upacara Ginuer Ceng</i>                | Kebudayaan       |
| 42  | MEDM/Ms 29<br>3 hlm  | Adaoh Cei Kathun Nyanyian<br><i>Untuk Cei Kathun</i>                | Tokoh, Sejarah   |

| Bil | Mss / Halaman        | Tajuk  | Bidang Berkaitan        |
|-----|----------------------|--|-------------------------|
| 43  | MEDM/Ms 30<br>10 hlm | Adaoh Ngap Yang Dayep<br><i>Nyanyian Untuk Raja Waktu Senja</i>    | Kebudayaan              |
| 44  | MEDM/Ms 31<br>6 hlm  | Adaoh Anak Po Rome<br><i>Nyanyi Anak Raja Po Rome</i>              | Tokoh, Sejarah          |
| 45  | MEDM/Ms 32<br>5 hlm  | Adaoh Anak Po Nagar Maraw<br><i>Nyanyian Anak Dewa Nagar Maraw</i> | Tokoh, Sejarah          |
| 46  | MEDM/Ms 33<br>8 hlm  | Adaoh Anak Yang Girai<br><i>Nyanyian Bayi Dewa Girai</i>           | Tokoh, Sejarah          |
| 47  | MEDM/Ms 34<br>4 hlm  | Adaoh Auen Craok Anak<br><i>Nyanyian Untuk Bayi Makan</i>          | Kebudayaan              |
| 48  | MEDM/Ms 35<br>8 hlm  | Padeng Kham Sik Kabau<br><i>Doa Untuk Menyembelih Kerbau</i>       | Kebudayaan              |
| 49  | MEDM/Ms 36<br>4 hlm  | Panuec Wei Lasei<br><i>Doa Wei Lasei (Minta Nasi)</i>              | Kebudayaan              |
| 50  | MEDM/Ms 37<br>13 hlm | Adaoh Mak Kayau<br><i>Nyanyian Untuk Tebang Kayu</i>               | Kebudayaan              |
| 51  | MEDM/Ms 38<br>15 hlm | Panuec Panang Huec Cahang<br><i>Doa Untuk Menghalang Ketakutan</i> | Mantera                 |
| 52  | MEDM/Ms 39<br>8 hlm  | Damnay Nai Mah Ghang<br><i>Kisah Permaisuri Mah Ghang</i>          | Sastera, Tokoh, Sejarah |
| 53  | MEDM/Ms 40<br>8 hlm  | Damnay Nai Mah Ghang II<br><i>Kisah Permaisuri Mah Ghang</i>       | Sastera, Tokoh, Sejarah |
| 54  | MEDM/Ms 41<br>23 hlm | Damnay Patao Bin Suer<br><i>Kisah Raja Bin Suer</i>                | Sastera, Tokoh, Sejarah |
| 55  | MEDM/Ms 42<br>20 hlm | Damnay Po Klaong Girai<br><i>Kisah Raja Klaong Girai</i>           | Sastera, Tokoh, Sejarah |
| 56  | MEDM/Ms 43<br>27 hlm | Damnay Po Akaok Ndih<br><i>Kisah Raja Akaok Ndih</i>               | Sastera, Tokoh, Sejarah |

| Bil | Mss / Halaman        | Tajuk  | Bidang Berkaitan            |
|-----|----------------------|--|-----------------------------|
| 57  | MEDM/Ms 44<br>5 hlm  | Damnay Patao Paracan<br><i>Kisah Raja Paracan</i>                      | Sastera, Tokoh, Sejarah     |
| 58  | MEDM/Ms 45<br>31 hlm | Damnay Po Ali<br><i>Kisah Tuan Ali</i>                                 | Sastera, Agama              |
| 59  | MEDM/Ms 46<br>4 hlm  | Damnay Cei Sit<br><i>Kisah Raja Muda</i>                               | Kesasteraan, Tokoh, Sejarah |
| 60  | MEDM/Ms 47<br>6 hlm  | Damnay Cei Pali<br><i>Kisah Cei War Palei</i>                          | Sastera, Tokoh, Sejarah     |
| 61  | MEDM/Ms 48<br>5 hlm  | Damnay Bia Acakan<br><i>Kisah Permaisuri Acakan</i>                    | Sastera, Tokoh, Sejarah     |
| 62  | MEDM/Ms 49<br>3 hlm  | Damnay Cei Kathun<br><i>Kisah Cei Kathun</i>                           | Sastera, Tokoh, Sejarah     |
| 63  | MEDM/Ms 50<br>3 hlm  | Damnay Po Nai Anaih<br><i>Kisah Permaisuri Nai Anaih</i>               | Sastera, Tokoh, Sejarah     |
| 64  | MEDM/Ms 51<br>3 hlm  | Damnay Po Gihlau,<br><i>Kisah Raja Gaharu</i>                          | Tokoh, Sejarah              |
| 65  | MEDM/Ms 52<br>12 hlm | Damnay Po Halau Aia<br><i>Kisah Tuan Halau Aia</i>                     | Tokoh, Sejarah              |
| 66  | MEDM/Ms 53<br>7 hlm  | Damnay Po Kabrah<br><i>Kisah Tuan Kabrah</i>                           | Tokoh, Sejarah              |
| 67  | MEDM/Ms 54<br>4 hlm  | Adaoh Ka Kamau Anaik<br><i>Mantera Upacara Utk Kamau Naik</i>          | Kebudayaan                  |
| 68  | MEDM/Ms 55<br>7 hlm  | Adaoh Muk Rija Ricaow<br><i>Mantera Untuk Membersihkan Biduan Rija</i> | Kebudayaan                  |
| 69  | MEDM/Ms 56<br>15 hlm | Adaoh Pahuel Akayakan<br><i>Nyanyian Upacara Akayakan</i>              | Kebudayaan                  |
| 70  | MEDM/Ms 57<br>6 hlm  | Adaoh Luk Manyak<br><i>Nyanyian Untuk Menyapu Minyak</i>               | Kebudayaan                  |

| Bil | Mss / Halaman         | Tajuk   | Bidang Berkaitan |
|-----|-----------------------|---|------------------|
| 71  | MEDM/Ms 58<br>9 hlm   | Kadha Mak Kayau<br><i>Sajak Tebang Kayu</i>                       | Kebudayaan       |
| 72  | MEDM/Ms 59<br>11 hlm  | Panuec Nai Ratna<br><i>Kata Puteri Ratna</i>                      | Kepercayaan      |
| 73  | MEDM/Ms 60<br>15 hlm  | Adaoh Nagar Hamaram<br><i>Nyanyian Upacara Utk Negeri Hamaram</i> | Kebudayaan       |
| 74  | MEDM/Ms 61<br>6 hlm   | Adaoh Pacah Ceng Jep<br><i>Nyanyian Upacara Untuk Pesta</i>       | Sejarah          |
| 75  | MEDM/Ms 62<br>6 hlm   | Adaoh Pacah Ceng Jep II<br><i>Nyanyian Upacara Untuk Pesta II</i> | Kepercayaan      |
| 76  | MEDM/Ms 63<br>3 hlm   | Adaoh Kamau Naik<br><i>Nyanyian Untuk "Kamau" Naik</i>            | Sejarah          |
| 77  | MEDM/Ms 64<br>5 hlm   | Panuec Pandit ka Po Rome<br><i>Peribahasa tetang Raja Po Rome</i> | Sastera          |
| 78  | MEDM/Ms 65<br>36 hlm  | Hajieng Tanah Hajieng Riya<br><i>Cerita Asal-Usul (Jadi Bumi)</i> | Cerita Rakyat    |
| 79  | MEDM/Ms 66<br>19 hlm  | Tabang Po Ali,<br><i>Kisah Tuan Ali</i>                           | Cerita Rakyat    |
| 80  | MEDM/Ms 67<br>7 hlm   | Bunga Coh Dua<br><i>Perbincangan Tentang Sosial</i>               | Cerita Rakyat    |
| 81  | MEDM/Ms 68<br>22 hlm  | Budaya<br><i>Perbincangan Tentang Budaya</i>                      | Cerita Rakyat    |
| 82  | MEDM/Ms 69<br>2 hlm   | Akhar Laow<br><i>Bahasa Cina</i>                                  | Cerita Rakyat    |
| 83  | MEDM/Ms 70<br>172 hlm | Akhar Bani<br><i>Kitab Bani (Qur'an)</i>                          | Cerita Rakyat    |

## RUJUKAN

- Perret, Daniel. 1999. ‘Konsep Negeri dalam sumber Melayu lama berunsur sejarah dan hukum’ dalam *Di Sekitar Konsep Negeri*, KKKP, EFEO dan ATMA UKM, Kuala Lumpur.
- Kamarul Baharin A. Kasim. 2003. ‘Koleksi Pilihan Dunia Melayu’, Jabatan Muzium dan Antikuiti, Kuala Lumpur.
- Lombard, Denis. 1981. “Campa di Pandang Dari Selatan” dalam ‘Kerajaan Champa’. Balai Pustaka Jakarta.
- Marrison, G.E. 1985. “The Cham and Their Literature” dalam *Journal of The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society*, Kuala Lumpur.
- Lafont, P.B. 1996. (Editor) ‘Semenanjung Indo China, Suatu Pengenalan’. Pusat Sejarah dan Tamadun Semenanjung Indo China, Perancis, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Po Dharma, Kamarul Baharin A. Kasim, Mohd Azmi Mohd Yusof 1998. ‘*Katalog Busana Campa*’ dalam *Busana Campa*. Jabatan Muzium dan Antikuiti & EFEO, Kuala Lumpur.
- Po Dharma. 1981. “*Kesusasteraan Cam*” dalam *Kerajaan Campa*, Balai Pustaka, Jakarta.
- Po Dharma. 1995. *Dunia Melayu dan Dunia Indocina*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Po Dharma. 1998. *Kebudayaan Campa : Suatu Pengenalan Dalam Busana Champa*, Jabatan Muzium dan Antikuiti & EFEO, Kuala Lumpur.